

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 16 JANUARI 2018 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MetMalaysia: Cold spell in the peninsula has ended	The Star
2.	Pelbagai kejadian menarik tahun 2018	KOSMO

MetMalaysia: Cold spell in the peninsula has ended

PETALING JAYA: The Malaysian "winter" is coming to an end with the gradual upwards inching of the mercury.

Meteorological Department (MetMalaysia) director-general Alui Bahari said the cold weather that hit the country the past several days was expected to end as the temperature had begun to normalise.

"The maximum temperature recorded on Sunday was 29°C compared to 26°C over the past few days," he said in an interview here yesterday.

According to forecast, the temperature in Kuala Lumpur until next Sunday can be as high as 31°C.

Minimum temperatures in the coming days, said MetMalaysia, were expected to be between 23°C and 24°C while the highs could be between 29°C and 31°C.

Asked if the current cold spell was the longest in recent years, Alui said there was a similar episode back in 2014.

In January 2014, the temperature in Cameron Highlands dipped to as low as 12°C.

Several cities and towns in low-lying areas also recorded temperatures of below 25°C.

Last Thursday, the Klang Valley experienced the coldest weather in months, with temperatures dipping to 21°C.

The department had said that this was due to the effects of the north-east monsoon – overcast sky, incessant rain and cold wind.

Meanwhile, three schools in interior northern Sarawak were forced to close due to floods.

SK Kuala Bok, SK Ranggong and SK Sg Bong in Marudi district had to close after floodwaters rose to between two and four feet, forcing about 200 pupils to return home.

Bomba Sarawak, in its latest report, said apart from the schools, numerous village roads were inundated too.

Jalan Ulu Niah and its road links were closed to all traffic after incessant rain made the roads inaccessible to all types of vehicles.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (K2) : MUKA SURAT 23
TARIKH : 16 JANUARI 2018 (SELASA)

Pelbagai kejadian menarik tahun 2018

LANGIT yang terbentang luas merupakan salah satu ciptaan Allah SWT yang cukup indah dan sempurna.

Malah al-Quran sendiri ada menyebut tentang penciptaan langit dalam surah Al-Baqarah ayat 117 yang bermaksud: "Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi (dengan segala keindahannya); dan apabila ia berkehendak (untuk menjadikan) suatu, maka ia hanya berfirman kepadanya: 'Jadilah engkau!' Lalu menjadilah ia."

Maka tidak hairanlah dengan kekuasaan Allah SWT, fenomena yang berlaku di langit pasti menarik perhatian pencinta dunia astronomi untuk merakam momen tersebut.



ZAHIRA

Ketua Unit Penyelidikan Sains Angkasa di Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Zahira

Mohd. Radzi berkata, berdasarkan kalendar astronomi sepanjang tahun 2018, pelbagai kejadian menarik akan berlaku.

Jelasnya, kalendar astronomi mengandungi tarikh untuk peristiwa astronomi yang terkenal termasuk fasa bulan seperti gerhana, hujan meteor dan beberapa peristiwa menarik lain.

"Kebanyakan peristiwa astronomi pada tahun ini dapat dilihat dengan mata kasar tanpa bantuan teleskop. Namun ada fenomena yang memerlukan penggunaan instrumentasi seperti teleskop atau binokular bagi

mendapatkan imej astronomi yang lebih jelas.

"Biasanya, Angkasa melalui Observatori Negara Langkawi (ONL) akan menyediakan kalendar astronomi sepanjang tahun dan berkongsi maklumat berkenaan melalui laman web serta media sosial kami. Di agensi kami, ONL diberi mandat untuk mempromosikan astronomi di Malaysia," jelasnya ketika dihubungi.

Kalendar astronomi disediakan menggunakan beberapa perisian astronomi profesional. Ia disemak oleh agensi angkasa lain seperti Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas Kebangsaan (NASA).

Menurut Zahira, antara peristiwa menarik yang akan berlaku pada tahun 2018 ialah dua

gerhana bulan penuh, pancuran hujan meteor dan penampilan planet yang indah di langit.

"Fenomena terdekat ialah gerhana bulan penuh yang dijangka berlaku pada 31 Januari 2018, manakala lima kejadian pancuran hujan meteor dijangka berlaku sepanjang tahun ini.

"Hujan meteor Geminids adalah pancuran hujan meteor terbaik yang tidak patut dilepaskan. Puncak pancuran meteor ini dijangka berlaku pada setiap 14 dan 15 Disember dengan anggaran sebanyak 120 meteor sejam jika cuaca baik.

"Kemunculan planet-planet di langit pula dapat disaksikan pada 9 Mei bagi planet Musytari, diikuti planet Zuhail pada 27 Jun dan planet Marikh pada 27 Julai," katanya.